



SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

SEMAKAN STATUS RAYUAN & PEMBAYARAN BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

- 1. S: Bilakah semakan status kelulusan Rayuan BKM 2022 boleh dibuat?**
J: Semakan status Rayuan BKM 2022 boleh dibuat mulai 20 September 2022.
- 2. S: Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan status kelulusan Rayuan BKM 2022?**
J: Anda boleh membuat semakan status kelulusan Rayuan BKM 2022 seperti berikut:

 - i. Portal Rasmi BKM (<https://bkm.hasil.gov.my>)**

 - a. Klik Log Masuk BKM
 - b. Masukkan Nombor MyKad
 - c. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
 - d. Masukkan kata laluan
 - e. Klik Menu Semakan Status
 - f. Maklumat yang akan dipaparkan
 - Status Permohonan
 - Lulus
 - Tidak Lulus
 - Maklumat Bayaran (Jika ada)
 - ii. Aplikasi MyBKM**
 - iii. Talian Hotline BKK 1-800-88-2747**
- 3. S: Saya telah membuat semakan dan berstatus Lulus Rayuan BKM 2022. Bilakah pembayaran Rayuan BKM 2022 akan dibuat?**
J: Pembayaran Rayuan BKM 2022 adalah seperti berikut:

 - i. Ada Akaun Bank – Pengkreditan terus ke akaun bank yang didaftarkan / dikemas kini mulai 20 September 2022 secara berperingkat
 - ii. Tiada Akaun Bank – Penunaian di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 20 September 2022
- 4. S: Semakan mendapati Rayuan saya telah diluluskan. Adakah saya akan menerima Surat Makluman Lulus Rayuan?**
J: Surat Makluman Lulus Rayuan akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah membuat rayuan dalam tempoh 02 Mei 2022 hingga 02 Jun 2022 lalu dan berstatus Lulus Rayuan BKM 2022.

5. **S: Berapakah amaun bayaran yang akan diterima oleh penerima BKM 2022 yang berstatus Lulus Rayuan?**

J: Jumlah pembayaran Rayuan BKM 2022 bersekali dengan Bantuan Tunai Tambahan adalah seperti berikut.

i. **Kategori Isi Rumah (Kahwin) – Pemohon berumur 59 tahun dan ke bawah**

Pendapatan Isi Rumah RM0 - RM2,500			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM700	RM900	RM1,100
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM100	RM100	RM100
BAYARAN DISEMBER 2022	RM300	RM600	RM900
JUMLAH	RM1,100	RM1,600	RM2,100

Pendapatan Isi Rumah RM2,501 - RM5,000			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM300	RM400	RM500
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM100	RM100	RM100
BAYARAN DISEMBER 2022	RM100	RM200	RM300
JUMLAH	RM500	RM700	RM900

ii. **Kategori Isi Rumah (Kahwin) – Pemohon berumur 60 tahun dan ke atas dengan amaun tambahan Isi Rumah Warga Emas (RM300)**

Pendapatan Isi Rumah RM0 - RM2,500			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM1,000	RM1,200	RM1,400
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM100	RM100	RM100
BAYARAN DISEMBER 2022	RM300	RM600	RM900
JUMLAH	RM1,400	RM1,900	RM2,400

Pendapatan Isi Rumah RM2,501 - RM5,000			
Bilangan Anak	0	1 - 2	≥ 3
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM600	RM700	RM800
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM100	RM100	RM100
BAYARAN DISEMBER 2022	RM100	RM200	RM300
JUMLAH	RM800	RM1,000	RM1,200

iii. **Kategori Isi Rumah [Ibu Bapa Tunggal (IBT) Mempunyai Anak] – Tiada Had Umur Pemohon dengan amaun tambahan IBT mempunyai anak (RM500)**

Pendapatan Isi Rumah RM0 - RM2,500		
Bilangan Anak	1 - 2	≥ 3
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM1,400	RM1,600
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM100	RM100
BAYARAN DISEMBER 2022	RM600	RM900
JUMLAH	RM2,100	RM2,600

Pendapatan Isi Rumah RM2,501 - RM5,000		
Bilangan Anak	1 - 2	≥ 3
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM900	RM1,000
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM100	RM100
BAYARAN DISEMBER 2022	RM200	RM300
JUMLAH	RM1,200	RM1,400

iv. **Kategori Bujang dan Ibu Bapa Tunggal (IBT) Tidak Mempunyai Anak - Pemohon berumur 59 tahun dan ke bawah**

Pendapatan RM0 - RM2,500	
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM350
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM50
BAYARAN DISEMBER 2022	-
JUMLAH	RM400

v. **Kategori Bujang dan Ibu Bapa Tunggal (IBT) Tidak Mempunyai Anak - Pemohon berumur 60 tahun dan ke atas**

Pendapatan RM0 - RM5,000	
BAYARAN SEPTEMBER 2022	RM450
BANTUAN TUNAI TAMBAHAN	RM50
BAYARAN DISEMBER 2022	RM150
JUMLAH	RM650

6. **S: Sekiranya saya diisytiharkan muflis dan akaun bank yang didaftarkan sebelum ini telah dibekukan, bagaimanakah saya boleh mendapatkan bayaran BKM 2022?**

J: Anda perlu merujuk kepada agensi berkaitan untuk mendapatkan kebenaran membuka akaun bank / mengaktifkan semula akaun bank sebelum tuntutan bayaran BKM 2022 dibuat.

7. **S: Saya ingin membuat semakan pada MyBKM dan bagaimanakah saya boleh mengetahui pembayaran Rayuan BKM 2022 dibayar kepada akaun bank saya atau pasangan?**

J: Anda boleh membuat semakan pada **MyBKM > Semakan Status > Maklumat Pembayaran** bagi Rayuan BKM 2022. Maklumat yang dipaparkan adalah seperti berikut:

- i. Nombor Pengenalan Akaun dikredit
- ii. Nama Penerima
- iii. Fasa Pembayaran
- iv. Jumlah dikredit
- v. Status Kredit
- vi. Nama Bank
- vii. Nombor Akaun Bank

8. **S: Sekiranya penerima bayaran BKM 2022 telah meninggal dunia dan bayaran Rayuan berjaya dikreditkan ke akaun bank, bagaimanakah proses pengeluaran wang BKM 2022?**

J: Proses pengeluaran wang BKM 2022 adalah seperti proses semasa yang dipraktikkan oleh Institusi Kewangan. Wakil perlu hadir ke Bank berdasarkan maklumat bank yang didaftarkan pada permohonan BKM 2022 bagi tindakan selanjutnya.

9. **S: Semakan mendapati Permohonan Rayuan saya berstatus Tidak Lulus. Adakah saya boleh mengemukakan semula dokumen sokongan yang diperlukan bagi membolehkan rayuan saya dipertimbangkan semula?**

J: Sekiranya Permohonan Rayuan tuan telah diproses dan tidak lulus, rayuan semula dengan mengemukakan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan. Ini kerana kelulusan Rayuan BKM 2022 adalah MUKTAMAD.

10. S: Saya telah menerima bayaran dan ingin menolak bantuan BKM 2022. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BKM yang telah diterima?

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad / Nombor Pengenalan, alamat surat menyurat dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); dan
- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:
Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2 62592 Putrajaya